

DYNA CHARCOAL TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Activated Charcoal (250 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Charcoal Tablet
2. Bagaimana Dyna Charcoal Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Charcoal Tablet
4. Cara menggunakan Dyna Charcoal Tablet
5. Semasa menggunakan Dyna Charcoal Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Charcoal Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dyna Charcoal Tablet

Digunakan untuk rawatan kembung perut dan cirit-birit.

Bagaimana Dyna Charcoal Tablet berfungsi

Dyna Charcoal Tablet berfungsi sebagai

- Penyerap - Menyerap bahan-bahan toksik yang dicerna, seterusnya menghalang penyerapan gastro-usus.
- Anti cirit-birit – Menyerap kebanyakan iritasi toksik yang menyebabkan cirit-birit dan ketidakselesaan gastro-usus.
- Anti kembung perut – Menyerap gas usus untuk melegakan tekanan dan ketidakselesaan.

Sebelum menggunakan Dyna Charcoal Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dyna Charcoal Tablet untuk rawatan cirit-birit pada kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

Mengandung dan menyusukan anak

Tiada masalah dilaporkan.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dyna Charcoal Tablet.

- Sebelum mula menggunakan Dyna Charcoal Tablet

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah- masalah berikut:

- Tanda-tanda dehidrasi seperti mulut kering, dahaga berlebihan, kulit kedut, pembuangan air kencing yang

kurang, pening, juga terjadi terutama pada kanak-kanak dan orang tua.

- Disyaki cirit-birit berkaitan parasit
- Cirit-birit berdarah akut.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia juga tidak dinasihatkan semasa penggunaan oral antidot yang spesifik seperti methionine dan mengganggu penyerapan ubat-ubat lain dan antibiotik. Ia juga menghapus tindakan ipecacuanha dan ubat-ubat lain digunakan untuk loya dan muntah-muntah apabila diambil secara serentak melalui mulut.

Cara menggunakan Dyna Charcoal Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2-4 tablet

Kanak-kanak berumur selepas 12 tahun: 1-2 tablet

*Minum air dengan banyak dan kekalkan pengambilan garam yang mencukupi

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Untuk diambil 3 hingga 4 kali sehari atau gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna Charcoal Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat berkaitan dengan terlebih dos.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dyna Charcoal Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Charcoal Tablet.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Charcoal Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian disyorkan kepada orang tua dengan masalah cirit-birit disebabkan oleh risiko kehilangan air dan elektrolit.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan Dyna Charcoal Tablet selalunya jarang; bengkak atau sakit di bahagian abdomen.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

DYNA CHARCOAL TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Activated Charcoal (250 mg)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Dyna Charcoal Tablet

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak

Lindungi daripada cahaya

Simpan di tempat kering di bawah 30°C

Pastikan bekas ditutup rapat

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Warna hitam berbentuk bulat dan dwi-cembung, bersalut.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Activated Charcoal

- Bahan-bahan tidak aktif

Chloroform Spirit, Aerosil, Cotacel

C15 (HPMC), PEG 3350/ Macrogol

3350, Corn Starch, Gelatin 240/250

Bloom, Lactose Powder 200 Mesh &

Magnesium Stearate.

- Nombor MAL

MAL20032175XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.

2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,

Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600

Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/01/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)300118/00031